

Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor/ Rektor Universiti Awam Fokus Hala Tuju Pendidikan Tinggi

Pulau Pangkor, 7 Februari - Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (UA) Bilangan 1/2026 telah berlangsung dengan kehadiran Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Datuk Prof. Dr Azlinda Azman bersama para Naib Canselor universiti awam.

Mesyuarat kali pertama tahun 2026 ini telah dikendalikan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai secretariat dengan sesi perbincangan bersemuka serta dalam talian. Mesyuarat berkala ini membincangkan hala tuju universiti awam selari dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi di samping merangka strategi bagi meningkatkan kecemerlangan akademik serta kedudukan universiti awam di peringkat global.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa, Prof Dato' Dr Md Amin Md Taff, mesyuarat ini penting untuk memastikan universiti awam terus relevan dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran pendidikan tinggi masa depan.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI, Arkib Negara Malaysia meterai MoU perkukuh pemeliharaan warisan sejarah

Tanjong Malim, 3 Februari - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Arkib Negara Malaysia (ANM) sebagai langkah strategik memperkukuh kerjasama dalam pemartabatan ilmu, pemeliharaan warisan sejarah dan pembangunan penyelidikan negara.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, majlis menandatangani MoU berkenaan bukan sekadar simbolik perjanjian, sebaliknya menjadi manifestasi komitmen bersama kedua-dua institusi dalam memelihara khazanah sejarah dan identiti negara.

Beliau berkata UPSI sebagai universiti pendidikan tertua di Malaysia memainkan peranan penting dalam melahirkan pendidik, penyelidik dan pemimpin pemikiran yang memiliki jati diri kukuh serta kefahaman mendalam terhadap sejarah dan warisan negara.

Sehubungan itu, katanya, kerjasama dengan ANM amat

signifikan memandangkan institusi berkenaan merupakan badan utama negara dalam pemeliharaan, pendokumentasian serta penyelidikan rekod dan warisan sejarah.

“Usaha ini selari dengan aspirasi UPSI untuk terus menjadi peneraju kebitaraan pendidikan di rantau ini, di samping memperkukuh ekosistem penyelidikan berasaskan ilmu dan warisan,” katanya pada majlis berkenaan di Bangunan Canselori, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Menurut beliau, MoU tersebut membuka ruang kepada kedua-dua pihak untuk melengkapi kepakaran dan sumber melalui pelbagai kolaborasi strategik, khususnya dalam bidang penyelidikan dan penerbitan ilmiah berkaitan sejarah, arkib serta warisan negara. Selain itu, kerjasama berkenaan turut melibatkan perkongsian kepakaran melalui penganjuran program akademik, latihan, seminar dan bengkel, selain memberi peluang kepada pelajar UPSI menjalani latihan industri di ANM sebagai pendedahan profesional.

UPSI Perkukuh Kerjasama Strategik bersama Majlis Amanah Rakyat dan Samsung, memperkasa kemahiran Guru MRSM

Tanjong Malim, 5 Februari - Majlis Amanah Rakyat (MARA) dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menganjurkan bengkel pemantapan pedagogi digital melibatkan penggunaan smartboard interaktif buat julung kalinya bagi guru-guru Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) seluruh Malaysia.

Bengkel yang berlangsung selama tiga hari bermula 3 Februari di Scholar Suites, UPSI itu melibatkan 30 guru subjek Sains (Kimia, Fizik, dan Biologi) dari 15 buah MRSM terpilih. Program ini turut mendapat sokongan padu daripada Samsung Malaysia dan pembekal peranti, Pinkast Corporation Sdn. Bhd. Ketua Fasilitator, Dr. Kama Shafeei, menjelaskan bahawa

pengisian bengkel memfokuskan kepada pendedahan pedagogi moden termasuk pembelajaran abad ke-21 serta pengenalan kepada platform inovasi KAMAPEDAGOGI.

Melalui inisiatif ini, guru-guru subjek Kimia, Fizik, dan Biologi dibimbing untuk membangunkan bahan bantu mengajar dengan bantuan AI yang diaplikasikan sepenuhnya di atas platform smartboard. Keberkesanan teknologi ini turut diperkukuhkan lagi melalui perkongsian amali oleh Cikgu Mohd Taufik Badruddin dari Sekolah Seri Budiman UPSI yang telah membuktikan impak positif penggunaan peranti tersebut terhadap penglibatan murid.



Majlis Tautan Kasih rai alumni zaman SITC meniti usia 100 tahun

Tanjong Malim, 1 Februari - Malam Tautan dan Jalinan Kasih Alumni berjaya menemukan 14 alumni zaman Sultan Idris Training College (SITC) di Dewan Sri Tanjung, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff yang turut hadir hadir pada majlis itu menganggap pertemuan alumni SITC memberi peluang untuk mereka mengubat rindu dan mengimbuai kenangan silap yang menyentuh jiwa. Majlis anjuran Persatuan Alumni Suluh Budiman (PASB) dengan kerjasama Pusat Alumni UPSI itu dirasmikan oleh alumni SITC yang juga bekas Menteri Negara Kanan (Pendidikan) Singapura, Pendidikan, Datuk Seri Sidek Saniff. Datuk Seri Sidek menganggap pertemuan itu sangat bermakna dalam mengimbuai kenangan zaman belajar di SITC bersama kawan-kawan seangkatanannya sekitar 1955 hingga 1957. Kini pada usia 88 tahun beliau mempunyai

sejarah peribadi yang sukar dilupakan berikutan dilantik sebagai ketua pelajar pada tahun akhir sebelum menamatkan pengajian.

Katanya, SITC sangat bermakna dalam hidupnya kerana di situlah tempatnya belajar mengenal nilai manusia, keterbukaan fikiran dan demokrasi. Beliau antara alumni SITC yang saban tahun menghadiri majlis yang diadakan di UPSI apabila dijemput bagi meraikan alumni seperti majlis Sirih Pulang ke Gagang.

Presiden PASB yang juga ahli Lembaga Pengarah UPSI, Datuk Seri Ahmad Burak berkata program berkenaan diadakan bertujuan menghimpun pelajar-pelajar zaman SITC yang kebanyakannya meniti usia 100 tahun. “Selaku presiden PASB, saya rasa pertemuan dalam reunion kali ini begitu bererti sekali kerana semua bekas pelajar SITC yg berusia antara 86 hingga 100 tahun yang hadir itu masing-masing mempunyai kelebihan

tersendiri,” katanya.

Beliau berkata selain mantan menteri, timbalan menteri besar, hadir sama bekas pelajar yg pernah mencipta nama di dalam dan luar negara.

Ahmad yang juga Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Alumni Universiti Awam Malaysia berkata, walaupun jumlah mereka yang hadir tidak begitu ramai tetapi ini sudah memadai untuk dikenang dan dingati sama ada peserta atau penganjur.

Dua tokoh ternama yang turut hadir ialah mantan Menteri Kanan Pendidikan Singapura, Datuk Seri Sidek Saniff dan mantan Timbalan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Abd Jabbar Ibrahim. Pengarah Pusat Alumni UPSI, Dr Omar Firdaus Mohd Said berkata pihaknya sentiasa memberikan sokongan terhadap apa sahaja program yang dianjurkan oleh PASB selaku satu-satunya pertubuhan yang berdaftar dan diiktiraf di UPSI

